essence communications
a wpp company

# Peluang menangi Proton Exora




PENGUKUHAN institusi kekeluargaan perlu dijadikan agenda utama di kalangan masyarakat hari ini berikutan pelbagai gejala sosial membabitkan generasi muda yang dikatakan berpunca daripada kelonggaran institusi berkenaan.

Memahami keperluan itu, Colgate, jenama peneraju produk pergigian yang diyakini, melancarkan kempen 'Keluarga Ceria Colgate & Giant', baru-baru ini sempena peraduan yang dijalankan di seluruh negara iaitu 'Peraduan P… Colgate'.

Pengarah Peng… Colgate Palmoliv… Sdn Bhd, Issam B… berkata peradua… diharap dapat m… ikatan kekeluarg… lebih teguh di sa… beri orang ramai untuk memenangi hadiah yang menarik.

"Peraduan ini bertujuan untuk memberi peluang kepada ahli keluarga untuk meluangkan masa bersama-sama dalam suasana yang gembira sambil menawarkan mereka peluang untuk memenangi pelbagai hadiah menarik. Kami jenama yang prihatin dan komited dalam usaha memperkayakan kehidupan pengguna barangan kami," katanya.

Peraduan yang diadakan pada hujung minggu itu

Pembeli pek peraduan itu boleh bergaya bersama ahli keluarga mereka dan membawa pulang gambar segera berukuran 5R serta bingkai gambar yang eksklusif.

Peraduan berkenaan terbuka kepada orang ramai dari 1 Januari hingga 25 Februari depan dengan hanya membeli dua pek Colgate Pantun Ceria 175g dan menghantarkan penyertaan mereka melalui SMS atau Pos. Peserta perlu menjawab soalan dan melengkapkan serangkap pantun yang tertera dalam

# Kempen keluarga bahagia

PENERAJU jenama penjagaan gigi yang diyakini sejak berzaman, Colgate buat julung-julung kalinya melancarkan kempen Keluarga Bahagia Colgate & Giant sempena peraduan Peraduan Pantuan Ceria Colgate.

Peraduan itu bertujuan merapatkan lagi ikatan kekeluargaan pada masa sama, menawarkan para peserta peluang memenangi hadiah menarik.

Mulai 1 Januari sehingga 25 Februari ini, rakyat Malaysia boleh menyertai peraduan tersebut hanya dengan membeli pek Colgate Pantun Ceria 175 gram dan mendaftar sama ada menerusi khidmat pesanan ringkas (SMS) atau pos.

Peserta perlu menjawab soalan dan melengkapkan pantun yang tertera pada borang peraduan di belakang pek ubat gigi Colgate itu.

Sepanjang tempoh peraduan, seramai 100 pemenang mingguan layak memenangi wang tunai RM125. Pemenang dipilih mengikut ketepatan jawapan dan kreativiti rekaan pantun oleh peserta sendiri.

Di akhirnya, peserta dengan pantun paling kreatif daripada kumpulan pemenang mingguan akan memenangi hadiah utama Proton Exora.

Sepuluh peserta terbaik seterusnya bakal membawa pulang motosikal Modenas Passion Sport setiap satu.

Pengarah Urusan Pemasaran Colgate-Palmolive Sdn. Bhd., Issam Bachaalani berkata, peraduan seumpama itu memberi ruang kepada keluarga meluangkan masa berkualiti bersama-sama.

Kempen Keluarga Bahagia Colgate & Giant pula memberi peluang ahli keluarga bergambar kenangan dan membawa pulang foto bersaiz 5R dengan bingkai eksklusif.

"Aktiviti ini juga meraikan keluarga dengan merakamkan saat-saat gembira mereka bersama," katanya.




ISSAM Bachaalani (kanan) dan Pengarah Peruncitan Giant, Ian Cruddas melancarkan Peraduan Pantun Ceria Colgate di Giant Kota Damansara baru-baru ini.